

**SULIT**

NAMA : ..... TINGKATAN : .....

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
KUALA LUMPUR**

---

**MODUL PSMA KUALA LUMPUR 2025**

**KIMIA 4541/1**

**TINGKATAN 5**

**Kertas 1 aDin**

**1 jam 15 minit**

---

---

---



**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini adalah dalam dwibahasa.*
2. *Soalan dalam Bahasa Melayu mendahului soalan yang sepadan dalam Bahasa Inggeris.*
3. *Calon dikehendaki membaca maklumat di halaman belakang kertas soalan ini.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 28 halaman bercetak.

1 Antara yang berikut, yang manakah merupakan unsur Kumpulan 18 dalam Jadual Berkala Unsur?

*Which of the following are the elements of Group 18 in the Periodic Table of Elements?*

- A Helium dan Xenon  
*Helium and Xenon*
- B Oksigen dan Kripton  
*Oxygen and Krypton*
- C Natrium dan Kripton  
*Sodium and Krypton*
- D Oksigen dan Hidrogen  
*Oxygen and Hydrogen*

2 Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan jenis zarah yang **betul** bagi setiap bahan?

*Which of the following shows the correct type of particle for each substance?*

	<b>Atom</b> <i>Atom</i>	<b>Molekul</b> <i>Molecule</i>	<b>Ion</b> <i>Ion</i>
A	Air <i>Water</i>	Zink <i>Zinc</i>	Natrium klorida <i>Sodium chloride</i>
B	Zink <i>Zinc</i>	Air <i>Water</i>	Natrium klorida <i>Sodium chloride</i>
C	Natrium klorida <i>Sodium chloride</i>	Air <i>Water</i>	Zink <i>Zinc</i>
D	Zink <i>Zinc</i>	Natrium klorida <i>Sodium chloride</i>	Air <i>Water</i>

3 0.40 g logam P bertindak balas dengan fluorin untuk menghasilkan 0.78 g P fluorida. Apakah formula empirik bagi P fluorida?

[Jisim atom relatif : F = 19, P = 40]

*0.40 g of metal P reacts with fluorine to produce 0.78 g P fluoride. What is the empirical formula of the P fluoride?*

[Relative atomic mass : F = 19, P = 40]


- A PF
- B PF<sub>2</sub>
- C P<sub>2</sub>F
- D PF<sub>4</sub>

- 4 Protium, deuterium dan tritium adalah isotop bagi unsur hidrogen. Antara yang berikut, apakah perbezaan bagi ketiga-tiga isotop?

*Protium, deuterium and tritium are the isotopes of hydrogen. Which of the following are the differences for the three isotopes?*

- I Sifat kimia  
*Chemical properties*
  - II Sifat fizik  
*Physical properties*
  - III Bilangan proton  
*Number of protons*
  - IV Nombor nukleon  
*Nucleon number*
- A I dan II  
*I and II*
- B I dan III  
*I and III*
- C II dan IV  
*II and IV*
- D III dan IV  
*III and IV*
- 5 Rajah 1 menunjukkan susunan elektron bagi suatu ion  $M^{2+}$ .

*Diagram 1 shows the electron arrangement of ion  $M^{2+}$ .*



Rajah 1  
*Diagram 1*

Ion  $M^{2+}$  mengandungi 12 neutron. Apakah nombor nukleon bagi atom M?

*Ion  $M^{2+}$  contains 12 neutrons. What is the nucleon number of atom M?*

- A 10
- B 18
- C 24
- D 30

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]


6 Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **benar** tentang ikatan logam?

*Which of the following statements is true about metallic bond?*

- A Pemindahan elektron antara logam dengan bukan logam  
*Transfer of electrons between metal and non-metal*
- B Perkongsian elektron antara atom-atom bukan logam  
*Sharing of electrons between non-metal atoms*
- C Daya tarikan antara atom hidrogen yang terikat dengan satu atom yang lebih elektronegatif dalam molekul lain  
*The forces of attraction between hydrogen atoms that have bonded with an atom of high electronegativity in another molecule*
- D Daya elektrostatik antara lautan elektron dengan ion logam berasas positif.  
*The electrostatic forces between the sea of electrons and the positively charged metal ion*

7 Rajah 2 menunjukkan suatu contoh kegunaan seramik.

*Diagram 2 shows an example of the uses of ceramics.*



Rajah 2  
*Diagram 2*

Berdasarkan Rajah 2, yang manakah ciri seramik?

*Based on Diagram 2, which of the following is a property of ceramic?*

- A Lutsinar  
*Transparent*
- B Lengai secara kimia  
*Chemically inert*
- C Ketahanan haba rendah  
*Low heat resistance*
- D Boleh mengkonduksikan elektrik  
*Can conduct electricity*

8 Maklumat yang berikut adalah mengenai unsur X.

*The following information is about element X.*

- Digunakan sebagai mangkin dalam industri  
*Can be used as catalyst in industry*
- Membentuk ion kompleks  
*Forms complex ions*


Antara yang berikut, yang manakah **benar** mengenai unsur X?

*Which of the following is correct about element X?*

- A Merupakan pepejal lembut  
*It is a soft solid*
- B Mempunyai takat lebur yang rendah  
*Has low melting point*
- C Tidak boleh mengalirkan arus elektrik  
*Unable to conduct electricity*
- D Berupaya membentuk sebatian berwarna  
*Able to form coloured compound*

9 Rajah 3 menunjukkan pembentukan ikatan bagi membentuk ion hidroksonium.

*Diagram 3 shows the formation of bond to form hydroxonium ion.*



Rajah 3  
*Diagram 3*

Antara yang berikut, yang manakah jenis ikatan kimia yang terlibat dalam sebatian ini?

*Which of the following is the type of chemical bond involved in this compound?*

- A Ion  
*Ion*
- B Datif  
*Dative*
- C Hidrogen  
*Hydrogen*
- D Logam  
*Metallic*

- 10** Elman melarutkan asid etanoik glasial ke dalam bikar yang mengandungi propanon. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **benar** bagi larutan yang terhasil?

*Elman dissolves glacial ethanoic acid into a beaker containing propanone. Which of the following statements is **correct** for the solution produced?*

- A** Larutan menukar kertas litmus biru kering ke merah  
*The solution turns dry blue litmus paper to red*
  - B** Larutan mengandungi molekul-molekul yang bergerak bebas  
*The solution contains free moving molecules*
  - C** Molekul asid etanoik mengalami penceraian lengkap di dalam propanon  
*Ethanoic acid molecules undergo complete dissociation in propanone*
  - D** Pembuakan berlaku apabila serbuk zink ditambahkan ke dalam larutan tersebut  
*Effervescence occurs when zinc powder is added into the solution*
- 11** Jadual 1 menunjukkan unsur X, Y dan Z yang berada dalam Kala 3 Jadual Berkala Unsur.

*Table 1 shows three elements X, Y and Z that are in Period 3 of the Periodic Table of Elements.*

Unsur <i>Element</i>	X	Y	Z
Sifat oksida <i>Oxide property</i>	Asid <i>Acid</i>	Bes <i>Basic</i>	Amfoterik <i>Amphoteric</i>

Jadual 1  
*Table 1*

Antara susunan yang berikut, yang manakah **betul** berdasarkan pertambahan nombor proton unsur-unsur tersebut?

*Which of the following sequences is **correct** based on the increase in the proton number of the elements?*

- A** X, Y, Z
- B** X, Z, Y
- C** Y, Z, X
- D** Z, X, Y

- 12 Persamaan di bawah mewakili tindak balas antara ferum dan gas klorin.

*The following equation represents the reaction between iron and chlorine gas.*



Apakah perubahan nombor pengoksidaan bagi klorin?

*What is the change in oxidation number of chlorine?*

- A  $2 \rightarrow -3$
- B  $-1 \rightarrow 0$
- C  $0 \rightarrow -1$
- D  $+2 \rightarrow +3$

- 13 Maklumat yang berikut adalah tentang sejenis sebatian.

*The following information is about a type of compound.*

- Mempunyai atom karbon dan hidrogen sahaja  
*Has carbon and hydrogen atom only*
- Ikatan tunggal antara atom karbon  
*Single bond between carbon atoms*
- Tidak larut dalam air  
*Insoluble in water*

Apakah formula am bagi sebatian tersebut?

*What is the general formula for the compound?*

- A  $\text{C}_n\text{H}_{2n}$
- B  $\text{C}_n\text{H}_{2n+2}$
- C  $\text{C}_n\text{H}_{2n-2}$

- 14 Jisim molekul relatif bagi  $M_2(SO_4)_3$  ialah 342. Berapakah jisim atom relatif bagi unsur M?  
[Jisim atom relatif: O = 16, S = 32]

*The relative molecular mass of  $M_2(SO_4)_3$  is 342. What is the relative atomic mass of element M?*  
*[Relative atomic mass: O = 16, S = 32]*

- A 27
- B 54
- C 118
- D 123


- 15 Tentukan nilai pH larutan kalsium hidroksida  $Ca(OH)_2$  yang mempunyai kepekatan  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$ .

*Determine the pH value of calcium hydroxide solution  $Ca(OH)_2$  with a concentration of  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$ .*

- A 1.3
- B 12.7
- C 13.3
- D 14.0

- 16 Rajah 4 menunjukkan susunan elektron bagi sebatian yang terbentuk apabila unsur T dan unsur Q bertindak balas.

*Diagram 4 shows the electron arrangement of a compound formed when element T and element Q react.*



Rajah 4  
Diagram 4

Apakah kumpulan bagi unsur Q dalam Jadual Berkala Unsur?


*What is the group of element Q in the Periodic Table of Elements?*

- A 2
- B 8
- C 16
- D 18

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

- 17 Rajah 5 menunjukkan proses pengekstrakan aluminium daripada bijihnya.

*Diagram 5 shows the process of extraction of aluminium from its ore.*



Rajah 5  
Diagram 5

Antara yang berikut, yang manakah **benar** mengenai Rajah 5?

*Which of the following statements is **correct** about Diagram 5?*


- A Ion oksida mengalami penurunan  
*Oxide ions undergo reduction*
  - B Ion aluminium diturunkan di anod  
*Aluminium ions are reduced at anode*
  - C Pengoksidaan berlaku di katod grafit  
*Oxidation happens at graphite cathode*
  - D Kriolit menurunkan takat lebur aluminium oksida  
*Cryolite lowers the melting point of aluminium oxide*
- 18 Berapakah jisim sulfur di dalam  $3.45 \times 10^{22}$  molekul sulfur dioksida,  $\text{SO}_2$ ?  
[Jisim atom relatif: O = 16, S = 32;  $N_A: 6.02 \times 10^{23} \text{ mol}^{-1}$ ]

*What is the mass of sulphur in  $3.45 \times 10^{22}$  sulphur dioxide molecule,  $\text{SO}_2$ ?  
[Relative atomic mass: O = 16, S = 32;  $N_A: 6.02 \times 10^{23} \text{ mol}^{-1}$ ]*

- A 1.83 g
- B 1.93 g
- C 2.05 g
- D 3.66 g

- 19 Seorang murid berasa silau dengan cahaya matahari ketika dia sedang mengulang kaji pelajaran seperti ditunjukkan pada Rajah 6.

*A student was dazzled by the sunlight while doing her revision as shown in Diagram 6.*



Rajah 6  
Diagram 6

Dia hendak menukar kaca tingkapnya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kaca tingkap yang baharu perlu mengandungi bahan T. Apakah bahan T?

*She wanted to change the window glass to solve the problem. The new window glass should contain substance T. What is substance T?*

- A** Argentum klorida  
*Silver chloride*
- B** Barium hidroksida  
*Barium hydroxide*
- C** Kalsium karbonat  
*Calcium carbonate*
- D** Plumbum(II) oksida  
*Lead(II) oxide*


[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

- 20 Unsur T berada di bawah natrium dalam Jadual Berkala Unsur. Pernyataan manakah **benar** tentang unsur T?

*Element T is located below sodium in the Periodic Table of Elements. Which statement is **correct** about element T?*

- A Saiz atom T lebih kecil daripada natrium  
*The atomic size of T is smaller than sodium*
  - B Unsur T adalah kurang elektropositif daripada natrium  
*Element T is less electropositive than sodium*
  - C Unsur T bertindak balas lebih cergas daripada natrium dalam oksigen  
*Element T reacts more vigorously than sodium in oxygen*
  - D Unsur T mempunyai lebih banyak bilangan elektron valens daripada natrium  
*Element T has more valence electrons than sodium*
- 21 Rajah 7 menunjukkan susunan radas bagi penguraian sebatian K oleh haba.

*Diagram 7 shows the apparatus set up for the decomposition of compound K by heat.*



Rajah 7  
Diagram 7

Apabila K dipanaskan, air kapur bertukar menjadi keruh. Apakah sebatian K?

*When K is heated, the lime water turn chalky. What is compound K?*

- A Zink karbonat  
*Zinc carbonate*
- B Litium karbonat  
*Lithium carbonate*
- C Kalium karbonat  
*Potassium carbonate*
- D Natrium karbonat  
*Sodium carbonate*

**22** Antara bahan yang berikut, yang manakah sesuai untuk menyediakan kuprum(II) klorida?

*Which of the following substances are suitable to prepare copper(II) chloride?*

- I Logam kuprum dan asid hidroklorik  
*Copper metal and hydrochloric acid*
  - II Kuprum(II) oksida dan asid hidroklorik  
*Copper(II) oxide and hydrochloric acid*
  - III Kuprum(II) nitrat dan magnesium klorida  
*Copper(II) nitrate and magnesium chloride*
  - IV Kuprum(II) karbonat dan asid hidroklorik  
*Copper(II) carbonate and hydrochloric acid*
- A** I dan II sahaja  
*I and II only*
- B** I dan III sahaja  
*I and III only*
- C** II dan IV sahaja  
*II and IV only*
- D** III dan IV sahaja  
*III and IV only*

**23** Jadual 2 menunjukkan jumlah isi padu gas oksigen yang dikumpul pada sela masa yang sekata bagi penguraian hydrogen peroksida,  $\text{H}_2\text{O}_2$  pada suhu bilik dengan menggunakan mangkin mangan(IV) oksida.

*Table 2 shows the total volume of oxygen liberates at regular time intervals for the decomposition of hydrogen peroxide,  $\text{H}_2\text{O}_2$  at room temperature catalysed by manganese(IV) oxide.*

Masa (min) <i>Time (min)</i>	0	1	2	3	4
Isipadu gas ( $\text{cm}^3$ ) <i>Volume of gas (<math>\text{cm}^3</math>)</i>	0	9.2	17.6	25.7	33.6

Jadual 2  
*Table 2*

Berapakah kadar tindak balas purata pada minit ketiga?

*What is the average rate of reaction in the third minute?*

- A**  $7.9 \text{ cm}^3 \text{ min}^{-1}$
- B**  $8.1 \text{ cm}^3 \text{ min}^{-1}$
- C**  $8.4 \text{ cm}^3 \text{ min}^{-1}$
- D**  $8.6 \text{ cm}^3 \text{ min}^{-1}$

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**


- 24** Komunikasi digital memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan moden. Penghantaran data, suara dan imej secara berkesan dalam format digital memerlukan satu bahan yang sesuai. Apakah bahan itu?

*Digital communication plays a very important role in modern living. Effective transmission of data, voices and images in a digital format requires a suitable material. What is the material?*

- A** Kuprum  
*Copper*
- B** Aluminium  
*Aluminium*
- C** Gentian optik  
*Fibre optic*
- D** Superkonduktor  
*Superconductor*

- 25** Rajah 8 menunjukkan aras merkuri bagi suatu termometer dalam suatu tindak balas.

*Diagram 8 shows the mercury level of thermometer in a reaction.*



Rajah 8  
*Diagram 8*

Antara yang berikut, yang manakah menerangkan tentang tindak balas di atas?

*Which of the following explains the reaction above?*

- A** Tindak balas endotermik  
*Endothermic reaction*
- B** Tindak balas eksotermik  
*Exothermic reaction*
- C** Pemecahan ikatan dalam bahan tindak balas menyerap tenaga  
*Bond breaking in the reaction absorbs energy*
- D** Jumlah kandungan tenaga hasil tindak balas adalah lebih tinggi daripada jumlah kandungan tenaga bahan tindak balas  
*The total energy content of product is higher than the total energy content of reactants*

- 26 Logam argentum disesarkan apabila kepingan kuprum dimasukkan ke dalam larutan argentum nitrat. Apakah pemerhatian bagi tindak balas tersebut?

*Silver metal is displaced when a copper strip is placed in silver nitrate solution. What is the observation for this reaction?*

- A Pepejal putih terbentuk  
*White solid formed*
  - B Pepejal perang terbentuk  
*Brown solid formed*
  - C Larutan tidak bewarna berubah menjadi biru  
*Colourless solution changes to blue*
  - D Larutan biru berubah menjadi tidak bewarna  
*Blue solution changes to colourless*
- 27 Antara yang berikut yang manakah contoh alotrop karbon?

*Which of the following is an example of a carbon allotrope?*

- I Silika  
*Silica*
- II Kevlar  
*Kevlar*
- III Intan  
*Diamond*
- IV Grafen  
*Graphene*

- A I dan II sahaja  
*I and II only*
- B I dan III sahaja  
*I and III only*
- C II dan IV sahaja  
*II and IV only*
- D III dan IV sahaja  
*III and IV only*

- 28 Rajah 9 menunjukkan pelbagai jenis kosmetik yang ada di pasaran.

*Diagram 9 shows various types of cosmetic available in the market.*



Rajah 9  
Diagram 9


Pengguna harus memastikan bahawa bahan yang digunakan dalam produk kosmetik adalah selamat dan bebas daripada bahan kimia berbahaya. Antara yang berikut, yang manakah bahan kimia berbahaya dan kesan sampingan yang dipadankan dengan **betul**?

*Consumers must ensure that the substances used in cosmetic products are safe and free from harmful chemicals. Which of the following harmful chemicals and side effects are matched correctly?*

<b>Bahan kimia merbahaya <i>Harmful chemical</i></b>		<b>Kesan sampingan <i>Side effect</i></b>
A	Gliserin <i>Glycerin</i>	Merengsakan kulit <i>Irritates the skin</i>
B	Merkuri <i>Mercury</i>	Merosakkan ginjal dan sistem saraf <i>Damage the kidneys and nervous system</i>
C	Tretinojin <i>Tretinojin</i>	Kulit menjadi hipersensitif <i>Skin become hypersensitive</i>
D	Ferum(III) oksida <i>Iron(III) oxide</i>	Kanser <i>Cancer</i>

- 29 Bahan berikut boleh disediakan daripada minyak sayuran melalui tindak balas kimia dengan kehadiran mangkin.

*The following material can be prepared from vegetable oils by chemical reactions in the present of catalyst.*



Rajah 10  
Diagram 10



Apakah nama tindak balas dan mangkin yang digunakan dalam tindak balas tersebut?

*What is the name of reaction and catalyst used in the reaction?*

	<b>Tindak balas <i>Reaction</i></b>	<b>Mangkin <i>Catalyst</i></b>
A	Penghidratan <i>Hydration</i>	Serpihan porselin <i>Porcelein chips</i>
B	Pengoksidaan <i>Oxidation</i>	Air bromin <i>Bromine water</i>
C	Penggumpalan <i>Coagulation</i>	Asid formik <i>Formic acid</i>
D	Penghidrogenan <i>Hydrogenation</i>	Nikel <i>Nickel</i>

- 30 Rajah 11 menunjukkan formula struktur bagi ester yang menghasilkan bau wangi yang terdapat pada epal hijau.

*Diagram 11 shows the structural formula of ester that produces the fragrant smell found in green apple.*



Rajah 11  
Diagram 11


Antara yang berikut, yang manakah boleh digunakan untuk menyediakan ester tersebut?

*Which of the following can be used to prepare the ester?*

- A Asid butanoik dan metanol  
*Butanoic acid and methanol*
- B Asid butanoik dan butanol  
*Butanoic acid and butanol*
- C Asid metanoik dan butanol  
*Methanoic acid and butanol*
- D Asid propanoik dan metanol  
*Propanoic acid and methanol*

- 31 Beberapa orang murid dari kelas 5 Kekwa menjalankan eksperimen pentitratan bagi asid hidroklorik dan larutan kalium hidroksida di makmal.

Several students from 5 Kekwa conducted a titration experiment for hydrochloric acid and potassium hydroxide solution in the laboratory.



Rajah 12  
Diagram 12

Berapakah isi padu asid hidroklorik yang diperlukan untuk meneutralkan larutan kalium hidroksida?


What is the volume of hydrochloric acid needed to neutralise potassium hydroxide solution?

- A  $15 \text{ cm}^3$
- B  $25 \text{ cm}^3$
- C  $75 \text{ cm}^3$
- D  $100 \text{ cm}^3$

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

- 32 Rajah 13 menunjukkan susunan radas untuk mengkaji elektrolisis larutan natrium klorida menggunakan elektrod karbon.

*Diagram 13 shows the apparatus set up to study the electrolysis of sodium chloride solution using carbon electrodes.*



Rajah 13  
Diagram 13


Apakah nama gas X dan gas Y?

*What are the names of gas X and gas Y?*

	Gas X	Gas Y
A	Gas klorin <i>Chlorine gas</i>	Gas hidrogen <i>Hydrogen gas</i>
B	Gas oksigen <i>Oxygen gas</i>	Gas hidrogen <i>Hydrogen gas</i>
C	Gas hidrogen <i>Hydrogen gas</i>	Gas klorin <i>Chlorine gas</i>
D	Gas hidrogen <i>Hydrogen gas</i>	Gas oksigen <i>Oxygen gas</i>

- 33 Rajah 14 menunjukkan perbualan antara dua orang petani.

*Diagram 14 shows conversation between two farmers.*



Rajah 14  
*Diagram 14*


Berdasarkan perbualan dalam Rajah 14, bahan manakah yang sesuai untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani tersebut?

*Based on the conversation in Diagram 14, which of the following substances is suitable to overcome the problem faced by the farmer?*

- A Barium sulfat  
*Barium sulphate*
- B Kalsium oksida  
*Calcium oxide*
- C Natrium oksida  
*Sodium oxide*
- D Kalsium klorida  
*Calcium chloride*

- 34 Rajah 15 menunjukkan struktur bagi polimer X.

*Diagram 15 shows the structure of polymer X.*



Rajah 15  
Diagram 15

Antara yang berikut, yang manakah sifat bagi polimer X?

*Which of the following is a property of a polymer X?*

- A Mempunyai sifat elastik yang tinggi  
*Has high elastic properties*
- B Dapat diregang dan menjadi lebih panjang selepas dilepaskan  
*Can be stretched and become longer when released*
- C Dapat diacu berulang kali selepas dipanaskan dan boleh dikitar semula  
*Can be repeated remoulded upon heating and can be recycled*
- D Terurai atau hangus apabila dipanaskan dan tidak dapat dikitar semula  
*Disintegrate or burn upon heating and cannot be recycled*

- 35 Jadual 3 menunjukkan susunan radas untuk mengkaji kesan logam X, Y dan Z ke atas pengaratan paku besi.

*Table 3 shows the apparatus set up to investigate the effect of metals X, Y and Z on the rusting of iron.*

	I	II	III
<b>Eksperimen Experiment</b>	Agar-agar panas dengan kalium heksasianoferat(III) dan fenolftalein <i>Hot jelly solution with potassium hexacyanoferate(III) and phenolphthalein</i>		
<b>Pemerhatian Observation</b>	Paku besi dililit dengan logam X <i>Iron nail coiled with metal X</i> 	Paku besi dililit dengan logam Y <i>Iron nail coiled with metal Y</i> 	Paku besi dililit dengan logam Z <i>Iron nail coiled with metal Z</i> 
<b>Jadual 3 Table 3</b>	Banyak tompok biru A lot of blue spots	Tompok merah jambu terbentuk <i>Pink spots are formed</i>	Sedikit tompok biru Small amount of blue spots

Berdasarkan eksperimen tersebut, susun logam mengikut tertib kleelektropositifan menurun?

*Based on the experiment, arrange the metals in order of decreasing electropositivity?*

- A Fe, X, Y, Z
- B Y, Z, Fe, X
- C Y, Fe, Z, X
- D Z, X, Y, Fe

- 36 Jadual 4 menunjukkan keadaan bahan tindak balas yang digunakan dalam eksperimen I dan eksperimen II.

*Table 4 shows the condition of reactants used in experiment I and experiment II.*


Eksperimen <i>Experiment</i>	Keadaan bahan tindak balas <i>Condition of reactants</i>
I	Ketulan zink berlebihan + 50 cm <sup>3</sup> asid hidroklorik 2.0 mol dm <sup>-3</sup> <i>Excess zinc granules + 50 cm<sup>3</sup> of 2.0 mol dm<sup>-3</sup> hydrochloric acid</i>
II	Serbuk zink berlebihan + 50 cm <sup>3</sup> asid hidroklorik 2.0 mol dm <sup>-3</sup> <i>Excess zinc powder + 50 cm<sup>3</sup> of 2.0 mol dm<sup>-3</sup> hydrochloric acid</i>

Jadual 4  
*Table 4*


Graf manakah yang menunjukkan lengkung yang **betul** bagi eksperimen II?

*Which graph shows the correct curve for experiment I and experiment II?*


A




B



C



D



- 37 Apabila zink nitrat dipanaskan dengan kuat, ia akan terurai seperti persamaan di bawah:

*When zinc nitrate is heated strongly, it decomposed as the equation below:*



Berapakah isi padu gas  $\text{NO}_2$  yang terhasil jika 18.9 g zink nitrat dipanaskan?

*What is the volume of  $\text{NO}_2$  gas is produced if 18.9 g of zinc nitrate is heated?*

[Jisim molar:  $\text{Zn}(\text{NO}_3)_2 = 189 \text{ g mol}^{-1}$ , 1 mol gas menempati isi padu gas sebanyak  $24 \text{ dm}^3$  pada suhu dan tekanan bilik]

[Molar mass:  $\text{Zn}(\text{NO}_3)_2 = 189 \text{ g mol}^{-1}$ , 1 mol of gas occupies a volume of gas of  $24 \text{ dm}^3$  at room temperature and pressure]

- A  $1.2 \text{ dm}^3$
- B  $2.4 \text{ dm}^3$
- C  $3.6 \text{ dm}^3$
- D  $4.8 \text{ dm}^3$

- 38 Haba pembakaran propanol,  $\text{C}_3\text{H}_7\text{OH}$ , ialah  $-2016 \text{ kJ mol}^{-1}$ . Apabila 0.3 g propanol terbakar lengkap dalam oksigen, haba yang dibebaskan digunakan untuk memanaskan  $250 \text{ cm}^3$  air. Berapakah kenaikan suhu air itu?

[Muatan haba tentu larutan =  $4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1}$ ]

[Jisim molar propanol:  $60 \text{ g mol}^{-1}$ ]

*The heat of combustion of propanol  $\text{C}_3\text{H}_7\text{OH}$  is  $-2016 \text{ kJ mol}^{-1}$ . When 0.3 g of propanol is completely burnt in oxygen, the heat released is used to heat  $250 \text{ cm}^3$  of water. What is the rise in temperature of the water?*


[Specific heat capacity of solution =  $4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1}$ ]

[Molar mass of propanol:  $60 \text{ g mol}^{-1}$ ]

- A  $3.2 \text{ }^\circ\text{C}$
- B  $4.6 \text{ }^\circ\text{C}$
- C  $9.6 \text{ }^\circ\text{C}$
- D  $19.6 \text{ }^\circ\text{C}$

- 39 Rajah 16 menunjukkan formula struktur suatu sebatian organik.

*Diagram 16 shows the structural formula of an organic compound.*



Rajah 16  
Diagram 16

Apakah nama IUPAC bagi sebatian organik itu?

*What is the IUPAC name of the organic compound?*

- A 2-metilbut-1-ena  
*2-methylbut-1-ene*
- B 2-metilbut-2-ena  
*2-methylbut-2-ene*
- C 2-etilbut-3-ena  
*2-ethylbut-3-ene*
- D 3-metilbut-3-ena  
*3-methylbut-3-ene*

- 40** Jadual 5 menunjukkan maklumat bagi dua sebatian organik P dan Q.

Table 5 shows the information of two organic compounds P and Q.

Sebatian organik Organic compounds	Maklumat Information
P	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak larut dalam air <i>Insoluble in water</i></li> <li>Menyahwarnakan warna perang air bromin <i>Decolourises brown colour of bromine water</i></li> </ul>
Q	<ul style="list-style-type: none"> <li>Larut campur dengan air <i>Miscible with water</i></li> <li>Terbakar dengan nyalaan biru menghasilkan karbon dioksida dan air <i>Burns with blue flame to produce carbon dioxide and water</i></li> </ul>

Jadual 5

Table 5

Berdasarkan maklumat yang diberi, formula struktur manakah mempunyai ciri yang sama seperti di atas?

Based on the information given, which structural formula has the same characteristics as above?

	P	Q
A	$\begin{array}{c} \text{H} & & \text{H} \\ & \diagdown & / \\ & \text{C} = \text{C} \\ & / & \backslash \\ \text{H} & & \text{CH}_3 \end{array}$	$\begin{array}{ccccc} \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \\   & &   & &   \\ \text{H} - \text{C} & - \text{C} & - \text{C} & - \text{OH} \\   & &   & &   \\ \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \end{array}$
B	$\begin{array}{c} \text{H} & & \text{H} \\ & \diagdown & / \\ & \text{C} = \text{C} \\ & / & \backslash \\ \text{H} & & \text{CH}_3 \end{array}$	$\begin{array}{ccccc} \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \\   & &   & &   \\ \text{H} - \text{C} & - \text{C} & - \text{C} & - \text{H} \\   & &   & &   \\ \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \end{array}$
C	$\begin{array}{ccccc} \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \\ &   & &   &   \\ \text{H} - \text{C} & - \text{C} & - \text{C} & - \text{H} \\ &   & &   &   \\ \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \end{array}$	$\begin{array}{ccccc} \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \\   & &   & &   \\ \text{H} - \text{C} & - \text{C} & - \text{C} & - \text{OH} \\   & &   & &   \\ \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \end{array}$
D	$\begin{array}{ccccc} \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \\   & &   & &   \\ \text{H} - \text{C} & - \text{C} & - \text{C} & - \text{OH} \\   & &   & &   \\ \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \end{array}$	$\begin{array}{ccccc} \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \\   & &   & &   \\ \text{H} - \text{C} & - \text{C} & - \text{C} & - \text{H} \\   & &   & &   \\ \text{H} & & \text{H} & & \text{H} \end{array}$

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**MAKLUMAT UNTUK CALON**  
**INFORMATION FOR CANDIDATES**

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.  
*This question paper consists of **40** questions.*
2. Jawab **semua** soalan.  
*Answer **all** questions.*
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.  
*Each question is followed by four alternative answers, **A**, **B**, **C** or **D**. For each question, choose **one** answer only. Blacken your answer on the objective answer sheet provided.*
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.  
*If you wish to change your answer, erase the blackened mark that you have made. Then blacken the new answer.*
5. Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.  
*The diagrams in the questions provided are not drawn to scale unless stated.*
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.  
*You may use a scientific calculator.*